

KAJIAN KES TAHAP KEBERKESANAN PENGGUNAAN ANTARA TELEFON BIMBIT DAN WALKIE TALKIE DALAM MELAKSANAKAN TUGAS DI IBU PEJABAT POLIS SABAK BERNAM, SELANGOR.

CASE STUDY ON THE EFFECTIVENESS LEVEL BETWEEN MOBILE PHONE USE AND WALKIE TALKIE IN WORKING AT POLICE OFFICE SABAK BERNAM, SELANGOR

**Mohd Sahrul Syukri Yahya¹
Muhamad Noh Abdullah²
Nurul Farahein Masdar³**

¹Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Malaysia
(E-mail: shahrulm016@gmail.com)

²LPPKN, Negeri Terengganu, Malaysia
(Email: muhamad_noh@lppkn.gov.my)

³Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
(E-mail: nurulfarahein@yahoo.com)

Accepted date: 5-12-2019

Published date: 15-1-2020

To cite this document: Yahya, M.S.S, Abdullah, M.N & Masdar N.F (2019). Kajian Kes Tahap Keberkesanan Penggunaan Antara Telefon Bimbit dan Walkie Talkie dalam Melaksanakan Tugas di Ibu Pejabat Polis Sabak Bernam, Selangor. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 2(5), 81-97.

Abstrak: Penggunaan telefon bimbit dan walkie talkie semakin berleluasa sehingga membawa impak besar kepada pelaksanaan tugas di sesebuah organisasi di Malaysia. Peningkatan pengeluaran dan permintaan terhadap alat telekomunikasi ini adalah dimensi baharu bagi revolusi industri 4.0 yang memberikan segala maklumat terkini dan pantas. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menilai tahap keberkesanan penggunaan di antara telefon bimbit dan walkie talkie dalam melaksanakan tugas di ibu pejabat polis Sabak Bernam, Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 50 orang responden dan masa yang diambil selama satu bulan. Kajian ini berfokus kepada empat aspek iaitu, keyakinan, inovasi, ketidakselesaan dan ketidakselamat. Hasil kajian mendapati aspek keyakinan, ketidakselesaan dan ketidakselamatan telefon bimbit adalah lebih tinggi berbanding walkie talkie. Responden memilih aspek inovasi bagi walkie talkie adalah lebih tinggi berbanding penggunaan telefon bimbit. Oleh hal yang demikian, penggunaan antara telefon bimbit dan walkie talkie mempunyai kebaikan dan kelemahan dari sudut fizikal, pengurusan kos dan masa, serta sebaran maklumat. Pelaksanaan tugas dalam sesebuah organisasi memerlukan pemerhatian yang menyeluruh supaya menghasilkan pekerjaan yang baik dan berkesan.

Kata Kunci: *telefon bimbit, revolusi industri 4.0, keberkesanan, pemerhatian*

Abstract: *The using of mobile phone and walkie talkie are largest and become more impacts to work in Malaysian organizations. The increases of production and demand on the telecommunication device is the new dimension for industry revolution 4.0 for given more information and faster. This research is conducted to evaluate effectiveness level in using on mobile phone and walkie talkie in working at police office Sabak Bernam, Selangor. This research is used quantitative method with distribute 50 questionnaires to respondents and take one month. This research focus out for four aspects are optimism, innovation, inconvenience, and unsecure. In result, shows mobile phone is the highest level compare by walkie talkie for all aspects. Indeed, respondents choose walkie talkie innovation aspect. However, the using of mobile phone and walkie talkie have advantage and disadvantage in physical, time and cost management, and information convey. The enforcement in organization must have more observation overall to produce the best working and effective on.*

Keywords: *mobile phone, industry revolution 4.0, effectiveness, observation*

Pengenalan

Pada hari ini arus perkembangan dalam bidang teknologi telah memberi impak yang besar kepada dunia. Perkembangan dalam bidang teknologi ini terus meningkat dari semasa ke semasa tanpa ada had penghujungnya. Hal ini menjadikan dimensi dunia berwajah baru seiring dengan perkembangan zaman pada abad ke-21. Pelbagai inovasi dihasilkan demi kemudahan kepada manusia untuk menjalani kehidupan seharian. Dengan penghasilan pelbagai inovasi ini, dunia kini jauh berbeza jika dibandingkan dengan satu ketika dahulu (Aliff Nawi, Mohd Isa, & Surina Akmal, 2014).

Evolusi teknologi telah mencetus kemajuan dari aspek komunikasi yang merupakan satu elemen penting dan nadi utama dalam menentukan kecekapan organisasi. Menerusi komunikasi, ahli-ahli dalam organisasi dapat berkongsi maklumat bagi mencapai kemajuan unit masing-masing. Menurut Proctor (2014), organisasi yang memahami komunikasi efektif dan mengamalkannya di semua peringkat organisasi mampu meningkatkan hubungan pekerja dan seterusnya kejayaan sesebuah organisasi. Alat komunikasi yang terlibat termasuk *walkie talkie* dan telefon bimbit telah mengubah persepsi dunia terhadap perkongsian maklumat dan perhubungan. Penggunaan telefon bimbit terbukti berkesan dalam aktiviti seharian dan interaksi sosial (Agarwal & Bhagoliwal, 2016, Gladden, D Juan, 2018).

Permasalahan kajian ini adalah berdasarkan kepada keyakinan dan keselamatan penggunaan kedua-dua alat teknologi komunikasi yang dihadapi semasa menjalankan pekerjaan dan penyampaian maklumat. Dalam isu ini, keberkesanan alat teknologi telefon bimbit telah menunjukkan keberkesanan, produktiviti dan keyakinan dalam pelaksanaan tugas di tempat kerja (Fraj Alzwamri, A.A. And Hussain, N. 2019). Perbandingan dijalankan terhadap alat telekomunikasi telefon bimbit dan *walkie talkie* sebagai alat perhubungan dan interaksi dalam melaksanakan tugas (W. Xu, G. Revadigar, C. Luo, N. Bergmann and W. Hu, 2016).

Oleh hal yang demikian, Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan sebuah pasukan penguatkuasa undang-undang yang mempunyai pelbagai tanggungjawab dan kekuasaannya sejak ditubuhkan pada 209 tahun yang lalu. Menurut Salmah (2009), Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan badan penguatkuasa utama yang bertanggungjawab memelihara keamanan dan ketenteraman awam. Badan penguatkuasaan ini bukan sahaja berkaitan dengan

manusia tetapi juga berkaitan dengan bencana alam yang menyebabkan PDRM sebagai agensi yang bertindakbalas sekiranya sesuatu dari dalam negara berlaku.

Kajian Literature

Perbincangan tentang kajian-kajian lepas mengenai penggunaan telefon bimbit (TB) dan *walkie-talkie* (WT) telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu serta membincangkan sistem yang digunakan oleh alat komunikasi ini.

Menurut (Md. Rashedul, Md. Rofiqul & Tahidul Arafhin, 2010), aplikasi mudah alih atau *Mobile Apps* merupakan sebuah program yang dimuatkan ke dalam alat mudah alih dan boleh digunakan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Pelbagai aplikasi yang direka khas di dalam telefon bimbit untuk memudahkan pengguna menghubungi rakan-rakan, melayari internet, membuat pengurusan fail, menyusun jadual, membuat dokumen ringkas dan program hiburan. Dalam kajian ini, aplikasi yang dibangunkan ke dalam telefon bimbit dan mengkaji kesediaannya menggantikan penggunaan *walkie talkie* yang telah sekian lama digunakan oleh pihak PDRM.

Kajian telah dijalankan oleh (Kasumawati, 2008, Miakotko, L., 2017) bahawa penggunaan telefon bimbit secara meluas dan pertambahan bilangan pencawang telekomunikasi telah menimbulkan persoalan sama ada terdapat implikasi kepada kesihatan manusia ataupun sebaliknya. Penggunaan telefon bimbit yang meluas boleh memberi kesan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan yang disebabkan oleh radiasi atau gelombang telefon bimbit dan pencawangnya (Miakotko, L., 2017). Perkara ini dapat menimbulkan masalah jika penggunaan telefon bimbit diperluaskan.

Situasi di Malaysia pula, PDRM mencipta sejarah dengan pelaksanaan sistem *walkie-talkie* telah dimulakan dari awal 2009 hingga akhir 2011. Pelaksanaannya adalah secara berperingkat di enam buah kawasan iaitu kawasan Tengah, Selatan, Utara, Timur, Sabah dan Sarawak. Sistem terbaru ini dinamakan RMPnet. Ianya berupaya menghubungkan pengguna di luar kawasan bertugas secara automatik iaitu perhubungan di kawasan semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sistem ini dirakam oleh pusat kawalan bertujuan untuk keselamatan dan penyimpanan rekod audit.

Berdasarkan kajian yang lepas, tahap kepuasan kakitangan terhadap komunikasi organisasi boleh mempengaruhi tahap komitmen mereka terhadap organisasi tersebut. Dengan kata lain semakin tinggi tahap kepuasan komunikasi dalam organisasi semakin tinggi juga tahap komitmen keorganisasian dalam kalangan kakitangan organisasi tersebut (Che Su Mustaffa, 2004). Dalam konteks kajian ini, kepuasan kakitangan boleh merujuk kepada kepuasan anggota polis dalam pelaksanaan tugas mereka. Kepuasan komunikasi melibatkan jangkaan individu tentang sesuatu hubungan komunikasi. Apabila proses komunikasi yang berlaku selaras atau melebihi jangkaan matlamat komunikasi antara sumber dan penerima, tahap kepuasan yang lebih tinggi seharusnya dilaporkan oleh mereka yang terlibat berbanding dengan apabila jangkaan atau matlamat ini tidak dicapai (Thomas, Booth-Butterfield & Booth-Butterfield, 1995). Kepuasan dalam komunikasi boleh diambil kira daripada pelbagai aspek seperti kepuasan terhadap kualiti maklumat atau media. Kepuasan terhadap komunikasi pihak atasan, kepuasan terhadap komunikasi subordinat dan kepuasan terhadap komunikasi penyeliaan (Downs, 1988).

Sebagai pasukan keselamatan, pihak polis seharusnya mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dan berkesan. Situasi kerja yang dihadapinya dan berhadapan dengan orang awam yang

mempunyai pelbagai latar belakang. Komunikasi boleh berlaku dalam pelbagai kaedah seperti percakapan, reaksi muka dan sebagainya. Di era yang serba moden ini, penggunaan telefon pintar atau *smartphone* sudah menjadi satu keperluan dalam kalangan orang awam. Perisian yang terdapat di dalam telefon pintar dapat membantu dalam proses komunikasi yang lebih efektif dan berkesan. Dengan adanya telefon pintar, penyaluran maklumat oleh orang awam tentang jenayah yang berlaku di sekeliling mereka menjadi lebih pantas dan selamat. Oleh yang demikian, pihak PDRM telah mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan aplikasi PDRM. Ini lebih memudahkan orang awam untuk menyalurkan sebarang maklumat tentang jenayah yang berlaku ditempat mereka. Menurut Assim Hassan, (2011), pihak polis negeri Selangor telah menambahbaik aplikasi PDRM dengan mewujudkan ikon 'HELP' di dalam telefon pintar. Sekiranya berlaku jenayah, mangsa hanya perlu menekan ikon tersebut dan pusat kawalan polis dapat mengesan kedudukan mangsa melalui sistem GPS yang telah diaktifkan. Secara tidak langsung, ini dapat mengurangkan kadar berlakunya jenayah (Agarwal & Bhagoliwal, 2016). Dengan penambahbaikan ini secara tidak langsung kaedah komunikasi antara orang awam dan pihak polis menjadi lebih baik dan pantas. Di New York, penggunaan telefon pintar dalam tugas polis bukanlah perkara baharu. Pada awal tahun 2016, pihak Jabatan Polis New York (NYPD) telah melengkapkan semua pegawai polis mereka dengan penggunaan telefon pintar. Telefon pintar tersebut telah dilengkapi dengan aplikasi yang moden seperti *Smartforce*, (Doug Owens, 2016). Aplikasi ini banyak membantu pihak polis terutama pegawai polis yang membuat rondaan untuk mendapatkan segala maklumat yang diperlukan. Secara tidak langsung hal ini juga dapat membantu pegawai polis tersebut untuk bersedia menghadapi segala kemungkinan. Oleh yang demikian, perkongsian maklumat antara ibu pejabat polis dengan polis yang membuat rondaan menjadi lebih pantas dan selamat. Perkara ini juga telah dijalankan oleh negara Afghanistan dalam memberi akses maklumat kepada pegawai polis, berinteraksi antara satu sama lain dalam menjalankan tugas di tempat kerja (Miakotko, L., 2017). Walaubagaimanapun, penggunaan alat telekomunikasi ini memberi impak kepada kesihatan manusia dan kehidupan seharian disebabkan radiasi dan frekuensi yang terlalu tinggi.

Selain itu, satu kajian telah dilaksanakan di sebuah hospital di luar negara mengenai penggunaan telefon pintar sebagai medium komunikasi. Komunikasi yang berkesan adalah sangat penting dalam memastikan pihak hospital memberikan khidmat yang terbaik kepada pesakit. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa penggunaan telefon pintar boleh meningkatkan tahap kecekapan dalam tugas berbanding penggunaan alat keluli. Terdapat banyak kelemahan dalam penggunaan alat keluli seperti mesej yang dihantar, penghantar perlu menunggu sehingga penerima membalas mesej tersebut. Perkara ini telah memberi impak terhadap perkhidmatan hospital dan penyampaian maklumat juga terbatas. Berbanding penggunaan telefon pintar, segala maklumat boleh di kongsi dengan lebih cepat dan selamat. Hal ini juga membantu pegawai perubatan atau pihak berkuasa untuk membuat keputusan lebih pantas terutamanya untuk kes – kes yang memerlukan pemerhatian yang lebih serius. Kajian ini juga menyatakan bahawa kebergantungan penggunaan telefon pintar sebagai medium komunikasi boleh memberi kesan positif dalam hubungan antara rakan sekerja. Daripada hasil temuduga yang dijalankan dalam kalangan jururawat di hospital tersebut, rata – rata mereka menyatakan bahawa penggunaan telefon pintar menyebabkan peluang mereka untuk berkomunikasi secara bersemuka adalah tipis. Hal ini juga dapat memberikan kerugian kepada pihak berkenaan kerana terlepas peluang untuk mempelajari sesuatu daripada pegawai atau jururawat yang lebih senior daripada mereka. Mereka juga kurang mengenali rakan – rakan sejawat terutamanya yang berlainan jabatan,

DI samping itu, kajian yang dijalankan oleh S. Miclaus & et.al (2017) berpendapat bahawa penggunaan walkie talkie adalah lebih selamat dan melindungi privasi sesebuah institusi dalam pelaksanaan tugas kerana wujudnya frekuensi yang terhad dan punca kuasa antara 1W dan 500mW. Hal ini secara tidak langsung mengganggu sistem telekomunikasi yang serba canggih termasuk telefon bimbit kerana wujudnya ketidakpercayaan terhadap penggunaannya.

Kawasan dan Metod Kajian

Kawasan, populasi dan sampel kajian

Kajian ini dijalankan di Ibu Pejabat Polis Sabak Bernam, Selangor dan melibatkan beberapa bahagian perkhidmatan di dalamnya. Pemilihan ibu pejabat polis ini adalah disebabkan oleh faktor lokasi, balai polis utama dan berdekatan dengan bandar. Unit bahagian analisis bagi kajian ini adalah terdiri daripada Kumpulan Perkhidmatan Profesional dan Sokongan (Pegawai Kanan Polis, Pegawai Rendah Polis dan Konstabel). Pegawai Kanan Polis terdiri daripada Asisten Supritenden dan Inspektor manakala Pegawai Rendah Polis yang berpangkat Sub-Inspektor hingga Koperal manakala konstabel terdiri dari Lans Koperal hingga Konstabel yang bertugas di pelbagai cawangan Ibu Pejabat Polis Daerah Sabak Bernam, Selangor. Populasi kajian terdiri daripada Kumpulan Perkhidmatan profesional dan Sokongan (Pegawai kanan polis, Pegawai Rendah Polis dan Konstabel) yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah Sabak Bernam, selangor.

Sampel diambil seramai 50 orang berdasarkan jumlah populasi yang bertugas di ibu pejabat yang terdiri daripada kumpulan Perkhidmatan profesional dan Sokongan (Pegawai Kanan Polis, Pegawai Rendah Polis dan Konstabel) yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah Sabak Bernam, Selangor. Soal selidik diedarkan kepada 50 anggota polis. Semua responden yang dipilih terdiri dari pelbagai peringkat umur, jantina, taraf pendidikan dan tempoh perkhidmatan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan persampelan rawak mudah atau dikenali juga sebagai “*simple random sampling*” di mana setiap elemen yang terdapat dalam populasi mempunyai peluang yang sama rata untuk dipilih sebagai kajian (Sekaran & Bougie, 2010). Kaedah persampelan ini dianggap sesuai kerana tatacara pemilihannya mudah, bebas daripada kesilapan pengelasan yang mungkin berlaku dan mudah untuk membuat analisa data.

Metodologi kajian

Metodologi kajian yang membincangkan dengan terperinci teknik-teknik untuk mendapatkan dan menganalisis data yang diperlukan bagi menguji objektif kajian. Aspek-aspek yang disentuh termasuklah reka bentuk kajian, lokasi kajian, pemboleh ubah dan pengukuran data. Selain itu, kaedah pengutipan data dan juga kaedah yang digunakan untuk menganalisis data.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap keberkesanan penggunaan antara *walkie talkie* dengan telefon bimbit. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian bagi mendapatkan data kajian iaitu berkaitan demografi, keyakinan, inovasi, ketidakselesaian dan tidak selamat berkaitan penggunaan alatan komunikasi. Responden kajian ini dipilih secara persampelan rawak bertujuan dalam kalangan anggota PDRM di Daerah Sabak Bernam, Selangor.

Pelaksanaan kaedah tinjauan soal selidik keratan rentas (*cross-sectional survey*) iaitu data dikumpulkan pada satu masa bukan sahaja untuk tujuan huraian tetapi juga untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah pada masa kajian dijalankan. Dianggarkan sebanyak 50 borang soal selidik diedarkan kepada responden dan jangka masa yang dianggarkan bagi para responden menjawab soalan kaji selidik dalam tempoh tiga puluh hari

bekerja. Data-data ini mula dikutip dan dikumpulkan semula apabila tamat tempoh tersebut, di mana pengkaji sendiri turun ke lapangan untuk mendapatkan dan mengumpul borang kaji selidik yang telah dijawab oleh responden. Kaedah ini dijalankan bagi memastikan kesemua borang soal selidik yang diedarkan dapat dikumpul semula secukupnya.

Kaedah Analisis

Menurut Sekaran (2003) terdapat tiga tujuan utama analisis data dilakukan. Pertama, bertujuan untuk memperoleh tindak balas pada data tersebut. Tindak balas terhadap data boleh diperolehi dengan melihat kepada kecenderungan pusat dan penyebarannya. Melalui data, nilai min, julat dan sisihan piawai diperolehi. Ini boleh membantu pengkaji untuk menilai sejauh mana responden memberi tindak balas terhadap soalan-soalan kaji selidik dan mengukur sejauh mana item-item tersebut adalah baik. Kedua, untuk menguji sama ada data-data yang diterima adalah baik dan yang ketiga, untuk menguji hipotesis yang telah dibangunkan.

Soalan-soalan kaji selidik yang dijawab oleh responden dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) untuk mendapatkan keputusan analisis statistik. Data-data primer yang diperolehi melalui borang kaji selidik dikumpulkan. Maklum balas-maklum balas yang tidak lengkap atau dikhuatiri yang boleh menjejaskan keputusan analisis dibuang. Beberapa fasa dijalankan ke atas data-data primer yang dikumpul sebelum proses analisis dilakukan iaitu mengekod, memasukkan data-data ke dalam perisian, melakukan ujian kebolehpercayaan data dan seterusnya analisis statistik data. Soal selidik dianalisis secara deskriptif iaitu mencari nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Skor min yang diperolehi dirujuk berdasarkan skala min Mohd Majid (2005) iaitu 1.00 – 2.66 (rendah), 2.67 – 3.66 (sederhana) dan 3.67 – 5.00 (tinggi).

Kajian Rintis

Dalam kajian ini, ujian rintis (pilot test) telah dijalankan kepada sepuluh orang responden sebelum 50 set borang soal selidik diedarkan. Tujuan analisis ini dijalankan adalah untuk menguji kesahihan dan ketepatan soalan yang ada dalam borang soal selidik yang berfokus kepada empat aspek iaitu keyakinan, inovasi, ketidakselesaian dan ketidakselamatan.

Jadual 1: Ujian Kebolehpercayaan Alpha Cronbach's

Ujian Kebolehpercayaan		
Alpha Cronbach's	Alpha Cronbach's berdasarkan keseimbangan item	Bilangan item (N)
0.835	0.832	48

Secara umumnya, instrumen yang digunakan mempunyai nilai alpha yang tinggi. Dalam hal ini, Nunnally (1978) berpendapat nilai alpha yang melebihi 0.70 adalah tekal bagi setiap dimensi yang digunakan. Ini menunjukkan bahawa kebolehpercayaan item ini boleh diterima kerana melebihi 0.70. Hasil kajian ini menunjukkan nilai 0.835.

Hasil dan Perbincangan Kajian

Analisis latar belakang responden

Jadual 2 di bawah menunjukkan analisis latar belakang responden secara kekerapan dan peratusan berdasarkan item 1 hingga 8 dalam borang soal selidik.

Jadual 2: Latar belakang responden

Item	Kategori	Kekerapan	Peratusan(%)
Jantina	Lelaki	34	68
	Perempuan	16	32
Umur	25-30 tahun	29	58
	31-35 tahun	9	18
	36-40 tahun	1	2
	Lebih 41 tahun	11	22
Waktu tugas	Shift	27	54
	Waktu pejabat	23	46
Taraf pendidikan	PMR	1	2
	SPM	37	74
	STPM	4	8
	Diploma	7	14
	Sarjana Muda	1	2
Tempoh perkhidmatan dalam PDRM	1-5 tahun	17	34
	6-10 tahun	18	36
	11-15 tahun	9	18
	16-20 tahun	3	6
	>20 tahun	3	6
Kategori pangkat	Konstabel	10	20
	Lans Koperal	14	28
	Koperal	22	44
	Sarjan	3	6
	Inspektor	1	2
Cawangan	Pentadbiran	16	32
	Jenayah	6	12
	Pengurusan	24	48
	Trafik	3	6
	Pengangkutan	1	2

Berdasarkan jantina, seramai 34 orang responden (68%) merupakan staf lelaki dan seramai 16 orang responden (32%) pula merupakan staf perempuan. Hal ini bermakna bahawa responden staf lelaki melebihi responden staf perempuan. Dari segi umur pula, seramai 29 orang responden (58%) berumur antara 25 hingga 30 tahun, seramai 9 orang responden (18%) berumur di antara 31 hingga 35 tahun, seorang responden (2%) berumur antara 36 hingga 40 tahun dan seramai 11 orang responden adalah berumur dalam lingkungan lebih 41 tahun.

Aspek masa bertugas dibahagikan kepada dua waktu iaitu secara shift dan waktu pejabat. Seramai 27 orang responden (54%) bertugas secara shift manakala 23 orang responden (46%) bertugas mengikut waktu pejabat. Apabila ditinjau dari segi akademik tertinggi yang dimiliki responden, hanya seorang yang memiliki PMR, seramai 37 orang responden (74%) memiliki SPM, seramai 4 orang responden (8%) memiliki STPM, 7 orang responden (14%) memiliki Diploma dan seorang responden (2%) memiliki Ijazah Sarjana Muda. Berdasarkan tempoh perkhidmatan dalam PDRM, seramai 17 orang responden (34%) berkhidmat antara 1 hingga 5 tahun, 18 orang responden (36%) berkhidmat antara 6 hingga 10 tahun, seramai 9 orang

responden (18%) berkhidmat antara 11 hingga 15 tahun, perkhidmatan antara 16 hingga 20 dan lebih 20 tahun ke atas iaitu masing-masing seramai 3 orang responden (6%).

Berdasarkan kategori pangkat di balai polis, seramai 10 orang responden (20%) menjawat sebagai Konstabel, 14 orang responden (28%) sebagai Lans Koperal, seramai 22 orang responden (44%) ialah Koperal, 3 orang responden (6%) sebagai Sarjan dan seorang responden menjawat jawatan sebagai Inspektor. Setiap ibu pejabat balai polis dibahagikan kepada 5 cawangan isitu pentadbiran seramai 16 orang responden (32%), seramai 6 orang responden (12%) di cawangan Jenayah, 24 orang responden (48%) di cawangan pengurusan, seramai 3 orang responden di cawangan trafik dan seorang sahaja responden di cawangan pengangkutan.

Tahap Keberkesanan Penggunaan antara Telefon Bimbit dan *Walkie Talkie* dalam Melaksanakan Tugas dari Aspek Keyakinan (Optimism).

Dapatan deskriptif yang melibatkan peratusan dan min dijalankan bagi mengenalpasti tahap keberkesanan penggunaan alat telekomunikasi melalui aspek keyakinan. Jadual 3, menunjukkan hasil analisis deskriptif taburan peratusan, min dan tahap yang dicapai oleh skor min setiap item tentang aspek keyakinan bagi penggunaan antara telefon bimbit dan walkie talkie di ibu pejabat polis Sabak Bernam, Selangor. Hanya 5 item yang berada pada tahap yang sederhana. Item penggunaan teknologi ini lebih mudah digunakan mempunyai min yang paling tinggi iaitu 4.00 (telefon bimbit) dan 3.90 (walkie talkie) dengan peratusan setuju 88% dan 78%.

Bagi item kawalan seseorang dalam urusan pekerjaan seharian mereka, min penggunaan telefon bimbit ialah 3.58 dan walkie talkie sebanyak 3.6. Kekerapan menunjukkan bahawa 64% dan 66% staf menyatakan bahawa mereka bersetuju dan sangat bersetuju. Teknologi yang digunakan adalah lebih mudah telah menunjukkan skor min yang tinggi bagi kedua-dua alat ini iaitu 4.00 dan 3.90 iaitu peratusan responden menyatakan setuju dan sangat setuju melebihi 80%. Walaubagaimanapun, perbandingan skor min dapat dilihat melalui aspek kegemaran menggunakan alat teknologi yang paling maju di pasaran membuktikan skor min bagi walkie talkie (3.80) adalah lebih tinggi berbanding skor min telefon bimbit (3.66) dan pernyataan responden setuju adalah sama banyak iaitu 68%. Responden juga telah bersetuju (60%) berbanding 48% yang menyatakan telefon bimbit membuat lebih cekap dalam pekerjaan dengan skor min masing-masing 3.56 dan 3.44.

Seterusnya, item kebebasan bergerak merupakan skor min paling rendah bagi kedua-dua alat ini iaitu 3.34 dan 2.76. Tahap skor min yang sederhana menunjukkan minat idea melakukan pekerjaan alat ini kerana tidak terhad kepada sesuatu perkara dan pernyataan setuju adalah sebanyak 54% dan 50%.

Jadual 3: Aspek Keyakinan dalam menilai tahap keberkesanan penggunaan antara telefon bimbit dan walkie talkie

Bi l	Item	SS+S		Tidak pasti		STS+TS		Min		Tahap Min	
		TB	WT	TB	WT	TB	WT	TB	WT	TB	WT
1	Orang lain datang kepada anda untuk mendapatkan nasihat tentang telefon bimbit/walkie talkie	38 %	32 %	46 %	36 %	16 %	32 %	3.24	2.88	Sederhana	Sederhana
2	Anda sentiasa terbuka untuk mempelajari mengenai teknologi baru dan berbeza dalam telefon bimbit/walkie talkie	82 %	68 %	16 %	30 %	2%	2%	3.84	3.72	Tinggi	Tinggi
3	Secara umum, anda adalah antara yang pertama dikalangan rakan anda untuk memperoleh aplikasi telefon bimbit/walkie talkie yang baru apabila ia disediakan	30 %	30 %	34 %	32 %	38 %	38 %	2.94	2.84	Sederhana	Sederhana
4	Anda biasanya boleh memikirkan produk dan perkhidmatan berteknologi baru tanpa bantuan daripada orang lain	30 %	28 %	56 %	34 %	14 %	38 %	3.18	2.82	Sederhana	Sederhana
5	Anda menikmati cabaran dalam menggunakan telefon bimbit/walkie talkie berteknologi tinggi	62 %	54 %	22 %	32 %	16 %	14 %	3.52	3.44	Sederhana	Sederhana
6	Anda mendapati anda mempunyai kurang masalah daripada orang lain dalam mempelajari teknologi baru telefon bimbit/walkie talkie	46 %	38 %	38 %	34 %	16 %	28 %	3.36	3.08	Sederhana	Sederhana
								3.35	3.13	Sederhan	Sederhan
Purata Keseluruhan										a	a

Jadi, berdasarkan jadual 3 dapat dirumuskan bahawa tren perbezaan jumlah pandangan item yang dikenalpasti dan secara keseluruhan penggunaan telefon bimbit memberi keyakinan kepada responden iaitu secara purata 193 skor daripada 300 skor jumlah keseluruhan atau 64.33% berbanding penggunaan walkie talkie.

Tahap Keberkesanan Penggunaan antara Telefon Bimbit dan *Walkie Talkie* dalam Melaksanakan Tugas dari Aspek Inovasi.

Jadual 4 membincangkan hasil analisis deskriptif taburan peratusan, skor min dan tahap yang dicapai oleh setiap item melalui aspek inovasi. Keseluruhan mendapati bahawa item sentiasa terbuka untuk mempelajari teknologi baru dan berbeza dalam penggunaan alat ini mempunyai skor min yang tinggi iaitu 3.84 dan 3.72. Peratusan yang bersetuju adalah sebanyak 82% (TB) dan 68% (WT) dan hanya 2% tidak setuju. Dari segi peratusan, item secara umum antara yang pertama dalam kalangan rakan untuk memperoleh aplikasi telefon bimbit dan walkie talkie yang baru apabila disediakan adalah sekata dalam purata 30% di antara setuju, tidak pasti dan tidak setuju. Skor min bagi TB adalah paling rendah iaitu 2.94 dalam keadaan tahap sederhana.

Bagi item orang lain datang hadir untuk mendapatkan nasihat tentang kedua-dua alat ini mempunyai skor min 3.24 dan 2.88 serta peratusan bersetuju sebanyak 38% dan 32%. Kelebihan diberikan kepada item menikmati cabaran dalam menggunakan alat ini yang berteknologi tinggi iaitu bilangan peratusan yang bersetuju sebanyak 62% (TB) dan 54% (WT) dengan skor min 3.52 dan 3.44) pada tahap yang sederhana berbanding peratusan yang tidak bersetuju. Item mempunyai kurang masalah daripada orang lain dalam mempelajari teknologi baru bagi kedua-dua alat ini telah menunjukkan peratusan sekitar 35% hingga 50% yang bersetuju. Hanya 16% dan 28% tidak setuju mempunyai kurang masalah bagi mempelajari teknologi baru ini. Bagi skor min item ini menilai sebanyak 3.36 dan 3.08. Selain itu, item memikirkan produk dan perkhidmatan berteknologi baru tanpa bantuan orang lain menunjukkan peratusa tidak pasti TB lebih tinggi iaitu 56% berbanding WT, manakala peratusan tidak bersetuju WT berdasarkan item ini adalah tinggi iaitu 38% berbanding 14%. Nilai skor min yang diperoleh pada tahap sederhana iaitu 3.18 dan 2.82.

Jadual 4: Aspek inovasi dalam menilai tahap keberkesanan penggunaan antara telefon bimbit dan walkie talkie

Bi l	Item	SS+S		Tidak pasti		STS+TS		Min		Tahap Min	
		TB	WT	TB	WT	TB	WT	TB	WT	TB	WT
1	Orang lain datang kepada anda untuk mendapatkan nasihat tentang telefon bimbit/walkie talkie	38 %	32 %	46 %	36 %	16 %	32 %	3.24	2.88	Sederhana	Sederhana
2	Anda sentiasa terbuka untuk mempelajari mengenai teknologi baru dan berbeza dalam telefon bimbit/walkie talkie	82 %	68 %	16 %	30 %	2%	2%	3.84	3.72	Tinggi	Tinggi
3	Secara umum, anda adalah antara yang pertama dikalangan rakan anda untuk memperoleh aplikasi telefon bimbit/walkie talkie yang baru apabila ia disediakan	30 %	50 %	34 %	30 %	36 %	20 %	2.94	2.84	Sederhana	Sederhana
4	Anda biasanya boleh memikirkan produk dan perkhidmatan berteknologi baru tanpa bantuan daripada orang lain	30 %	30 %	56 %	32 %	14 %	38 %	3.18	2.82	Sederhana	Sederhana
5	Anda menikmati cabaran dalam menggunakan telefon bimbit/walkie talkie berteknologi tinggi	62 %	54 %	22 %	32 %	16 %	14 %	3.52	3.44	Sederhana	Sederhana
6	Anda mendapati anda mempunyai kurang masalah daripada orang lain dalam mempelajari teknologi baru telefon bimbit/walkie talkie	46 %	38 %	38 %	34 %	16 %	28 %	3.36	3.08	Sederhana	Sederhana
Purata Keseluruhan								3.35	3.13	Sederhana	Sederhana

Dalam aspek inovasi, hasil dapatan menunjukkan penggunaan walkie talkie adalah lebih berinovasi berbanding telefon bimbit iaitu sebanyak 176 skor daripada 300 skor dengan peratusan 58.67%.

Tahap Keberkesanan Penggunaan antara Telefon Bimbit dan Walkie Talkie dalam Melaksanakan Tugas dari Aspek Ketidakelesaian.

Jadual 5 menunjukkan hasil analisis deskriptif taburan peratusan, skor min dan tahap min yang diperoleh terhadap keberkesanan penggunaan telefon bimbit dan walkie talkie ke atas aspek ketidakelesaian dalam melaksanakan tugas. Item

Jadual 5: Aspek ketidakelesaian dalam menilai tahap keberkesanan penggunaan antara telefon bimbit dan walkie talkie

Bil	Item	SS+S		Tidak pasti		STS+TS		Min		Tahap Min	
		TB	WT	TB	WT	TB	WT	TB	WT	TB	WT
1	Anda menganggap adalah tidak selamat menggunakan telefon bimbit/walkie talkie sewaktu bekerja	50%	16%	42%	16%	8%	68%	3.5	2.3	Sederhana	Rendah
2	Anda tidak menganggap ia selamat membawa telefon bimbit/walkie talkie ketika menjalankan apa-apa jenis operasi	42%	16%	38%	20%	20%	64%	3.2	2.4	Sederhana	Rendah
3	Anda bimbang bahawa maklumat yang anda hantar melalui telefon bimbit/walkie talkie akan dilihat oleh orang lain	38%	36%	30%	28%	32%	36%	3.1	3.0	Sederhana	Sederhana
4	Anda berasa tidak yakin menjalankan operasi di suatu tempat yang hanya boleh dicapai dalam talian telefon bimbit/walkie talkie	82%	36%	14%	28%	4%	36%	3.9	2.9	Sederhana	Sederhana
5	Apabila anda memanggil bantuan, anda lebih suka untuk bercakap dengan orang dan bukannya mesin	44%	56%	24%	26%	32%	36%	3.2	3.5	Sederhana	Sederhana
6	Jika anda membeli produk yang terlalu berteknologi tinggi, anda mungkin sukar mencari alat ganti atau perkhidmatan pembaikan	66%	58%	30%	30%	8%	12%	3.7	3.6	Tinggi	Sederhana
Purata Keseluruhan								3.4	2.9	Sederhana	Sederhana
								6	8		

Secara keseluruhan, menunjukkan peratusan dan skor perbezaan aspek ketidakselesaian antara telefon bimbit dengan walkie talkie adalah tidak jauh iaitu telefon bimbit 163 skor manakala walkie talkie 156 skor dengan peratusan 54.33%. Hal ini menunjukkan telefon bimbit mempunyai ketidakselesaian apabila digunakan semasa bertugas.

Tahap Keberkesanan Penggunaan antara Telefon Bimbit dan *Walkie Talkie* dalam Melaksanakan Tugas dari Aspek Ketidakselamatan.

Berdasarkan dapatan deskriptif yang melibatkan peratusan dan min dijalankan bagi mengenalpasti aspek keselamatan penggunaan telefon bimbit dan walkie talkie bahawa alat walkie talkie mempunyai skor min yang rendah iaitu 2.36 berbanding telefon bimbit sebanyak min 3.5. Setengah daripada responden telah bersetuju menyatakan bahawa telefon bimbit tidak selamat digunakan ketika waktu bekerja dan 42% tidak pasti berbanding 68% menyatakan walkie talkie selamat digunakan. Bagi item anggapan alat ini selamat dibawa ketika menjalankan apa-apa jenis operasi menunjukkan skor min 3.26 (sederhana) dan 2.42 (rendah) dengan peratusan 64% menganggap walkie talkie selamat dibawa ketika menjalankan operasi berbanding telefon bimbit. Sebanyak 42% bersetuju telefon bimbit tidak selamat dibawa ketika operasi.

Seterusnya, bagi item kebimbangan maklumat yang dihantar melalui telefon bimbit dan walkie talkie dilihat oleh orang lain mempunyai nilai peratusan yang sekitar 20% hingga 40% pada skor min 3.16 dan 3.02. Responden yang bersetuju di atas pernyataan ini sebanyak 38% dan 36% manakala yang tidak bersetuju ialah 32% dan 36%. Bagi item berasa tidak yakin menjalankan operasi di suatu tempat yang hanya boleh dicapai dalam talian menunjukkan 82% responden bersetuju telefon bimbit tidak sesuai bagi operasi ini dan 36% setuju dan tidak setuju. Skor min yang diperolehi ialah 3.90 dan 2.92.

Item sekiranya ingin memanggil bantuan, lebih suka untuk bercakap dengan orang dan bukannya mesin menunjukkan skor min yang sederhana iaitu 3.24 dan 3.54. Peratusan yang bersetuju adalah pada tahap yang memuaskan iaitu masing-masing 44% dan 56%. Bagi item yang terakhir, skor min bagi telefon bimbit adalah tinggi berbanding walkie talkie iaitu 3.72 dan peratusan yang bersetuju adalah 66% dan 58% yang menyatakan bahawa pembelian produk yang berteknologi tinggi menyukarkan untuk mendapatkan alat ganti dan proses baikpulih amat tinggi.

Jadual 6: Aspek ketidakselamatan dalam menilai tahap keberkesanan penggunaan antara telefon bimbit dan walkie talkie

Bi l	Item	SS+S		Tidak pasti		STS+TS		Min		Tahap Min	
		TB	W T	TB	W T	TB	W T	TB	W T	TB	WT
1	Anda menganggap adalah tidak selamat menggunakan telefon bimbit/walkie talkie sewaktu bekerja	50%	16%	42%	16%	8%	68%	3.5	2.36	Sederhana	Rendah
2	Anda tidak menganggap ia selamat membawa telefon bimbit/walkie talkie ketika menjalankan apa-apa jenis operasi	42%	16%	38%	20%	20%	64%	3.26	2.42	Sederhana	Rendah
3	Anda bimbang bahawa maklumat yang anda hantar melalui telefon bimbit/walkie talkie akan dilihat oleh orang lain	38%	36%	30%	28%	32%	36%	3.16	3.02	Sederhana	Sederhana
4	Anda berasa tidak yakin menjalankan operasi di suatu tempat yang hanya boleh dicapai dalam talian telefon bimbit/walkie talkie	82%	36%	14%	28%	4%	36%	3.9	2.92	Sederhana	Sederhana
5	Apabila anda memanggil bantuan, anda lebih suka untuk bercakap dengan orang dan bukannya mesin	44%	56%	24%	26%	32%	36%	3.24	3.54	Sederhana	Sederhana
6	Jika anda membeli produk yang terlalu berteknologi tinggi, anda mungkin sukar mencari alat ganti atau perkhidmatan pembaikan	66%	58%	30%	30%	8%	12%	3.72	3.6	Tinggi	Sederhana
Purata Keseluruhan								3.46	2.98	Sederhana	Sederhana

Berdasarkan jadual 6 menunjukkan hasil kajian dari aspek ketidakselamatan antara penggunaan telefon bimbit dan walkie talkie. Sebanyak 53.67% iaitu 161 skor diperoleh daripada maklumat responden yang menyatakan bahawa ia tidak selamat digunakan sewaktu bekerja. Jadi, penggunaan walkie talkie oleh responden adalah lebih selamat berbanding penggunaan telefon bimbit.

Rumusan Keseluruhan Pembolehubah bagi Mengenalpasti Tahap Keberkesanan Penggunaan Telefon Bimbit dan Walkie Talkie

Skor min dari aspek keyakinan, inovasi, ketidakselesaian dan ketidakselamatan dapat diperoleh melalui analisis statistik berdasarkan jadual 7 iaitu perbandingan skor min bagi aspek keyakinan penggunaan telefon bimbit dan walkie talkie yang memperoleh (min 3.61 dan 3.49), inovasi (min 3.35 dan 3.13), ketidakselesaian (min 3.35 dan 3.13) dan ketidakselamatan (min 3.46 dan 2.98). Aspek keyakinan mempunyai nilai skor min yang paling tinggi berbanding skor min inovasi, ketidakselesaian dan ketidakselamatan yang menunjukkan bahawa aspek ketidakselesaian dan inovasi bagi penggunaan telefon bimbit (min 3.35) manakala aspek ketidakselamatan bagi penggunaan walkie talkie (2.98). Walaupun demikian, semua aspek yang dikaji berada pada tahap yang sederhana seperti yang ditunjukkan dalam jadual 7.

Jadual 7 Aspek Keyakinan, Inovasi, Ketidakselesaian dan Ketidakselamatan Penggunaan Telefon Bimbit dan walkie talkie mengikut skor min

Item	Min		Sisihan piawai		Tahap Min	
	TB	WT	TB	WT	TB	WT
Keyakinan	3.61	3.49	0.95	0.89	Sederhana	Sederhana
Inovasi	3.35	3.13	0.78	0.88	Sederhana	Sederhana
Ketidakselesaian	3.35	3.13	0.85	0.92	Sederhana	Sederhana
Ketidakselamatan	3.46	2.98	0.75	1.01	Sederhana	Sederhana

Implikasi Kajian

Penggunaan dan pelaksanaan sistem telekomunikasi telah meningkatkan tahap keberkesanan terhadap sesuatu organisasi terutama sektor awam kerana maklumat dan perkhidmatan dapat digunakan dengan sebaik mungkin. Tahap inovasi, keselamatan, keselesaan dan keyakinan dalam melaksanakan tugas dapat diterapkan dalam diri pengguna khususnya pekerja. Tahap ini dapat mengubah persepsi dan ideologi masyarakat dalam membina gaya hidup yang lestari. Gaya hidup lestari ini perlu dicapai melalui beberapa indikator termasuk sistem telekomunikasi yang dapat merentasi sempadan lokal dan global. Kemudahan sistem telekomunikasi yang tiada sempadan dan boleh diakses di mana-mana sahaja menunjukkan bahawa perkembangan revolusi industri 4.0 yang diperkenalkan adalah yang terbaik dan berkesan. Walaubagaimanapun, penggunaan yang tidak terkawal dapat membawa kepada keburukan.

Rumusan

Perkembangan sistem telekomunikasi seperti telefon bimbit dan walkie talkie di negara membangun telah mencapai tahap yang memberangsangkan dan evolusi matlamat dunia tanpa sempadan kerana penggunaannya digunapakai oleh semua lapisan masyarakat dan umur. Alat telekomunikasi ini tidak lari diaplikasikan dalam penggunaan pekerjaan seharian khususnya sektor awam dan pihak berkuasa bagi memberikan maklumat yang terkini dan pantas. Secara keseluruhannya, kedua-dua alat ini mempunyai faedah tersendiri dan boleh diakses oleh sesiapa pun dan di mana-mana kerana di Malaysia mempunyai rangkaian telekomunikasi yang baik. Walau bagaimanapun, kajian yang akan datang amat diperlukan dan ditambahbaik penggunaan telefon bimbit semasa waktu bekerja dan membuat perbandingan dengan pelbagai agensi dan sektor yang lain.

Rujukan

- Fraj Alzwamri, A.A. And Hussain, N. (2019). The Impact of Smartphones on Work Productivity As Perceived By Employees at A Government Department In Salalah, Oman. *Al-'Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. 12, (Feb. 2019), 25-33.
- A. Parasuraman. (2000). Technologies Technology Readiness Index (Tri): A Multiple Item Scale to Measure Readiness to Embrace New. *Journal of Service Research* 2: 307.
- Agarwal, S., & Bhagoliwal, P. (2016). Smart Phones are a Potential Tool for Successful Business: A Literature Review. *IRA-International Journal of Management & Social Sciences (ISSN 2455-2267)*, 5(3), 451-454.
doi:<http://dx.doi.org/10.21013/jmss.v5.n3.p8>
- Aliff Nawi, Mohd Isa, & Surina Akmal (2014). Potensi Penggunaan Aplikasi Mudah (Mobile Apps) Dalam Bidang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic Education*. Vol. 2.
- Assim Hassan, (2008). Utusan online. diakses pada 20/12/2016
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0513&sec=Polis_%26entera&pg=te_01.htm#ixzz4XSKU6XFp
- Che Su Mustapa, (2004). Keberkesanan Komunikasi Organisasi: Satu Analisis Multidimensi. Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden Universiti Utara Malaysia. *IJMS* 11 (2), 91-122.
- Downs, C. W. (1988). Communication audits. Foresman and Company: U.S.A. Assim Hassan, 2011. Teknologi Terkini Polis Selangor. Utusan Online. jenayah@utusan.com.my.
- Gladden, D'Juan. (2018). "The Effects of Smartphones on Social Lives: How They Affect Our Social Interactions and Attitudes". *OTS Master's Level Projects & Papers*. 586.
https://digitalcommons.odu.edu/ots_masters_projects/586
- Kasumawati Lias. (2008). Study of safety and health aspects of base stations and mobile phones. *Tesis Degree of Master of Engineering (Electrical- Electronics and Telecommunication)*, Faculty of Electrical Engineering Universiti Teknologi Malaysia.
- Md. Rashedul Islam, Md. Rofiqul Islam & Tahidul Arafhin Mazumder. (2010). Mobile Application and Its Global Impact. *International Journal of Engineering & Technology*, 10(6): 72-78.
- Miakotko, L. (2017). The impact of smartphones and mobile devices on human health and life. Retrieved from <http://www.nyu.edu/classes/keefe/waoc/miakotkol.pdf>
- Mohd Majid Konting. (2005). Kaedah penyelidikan pendidikan. Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nunnally, J. C. (1978). Psychometric theory (2nd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Owens, (2016). 4 Ways Police Can Use Smartphone as Part of a Proactive Law Enforcement Strategy, Agency Management System, SmartForce™ Adventos.

- Robert Wu, MD FRCPC MSc, Peter Rossos , MD FRCPC MBA, Dante Morra , MD FRCPC MBA, (2011) An Evaluation of the Use Of Smartphones to Communicate Between Clinicians : A Mixed Methods Study , *Journal Medical Internet Reseach*, doi : 10.2196/jmir.1655.
- Parasuraman, S., Sam, A.T., Yee, S.W., Chuon, B.L., & Ren, L.Y. (2017). Smartphone usage and increased risk of mobile phone addiction: A concurrent study. *International journal of pharmaceutical investigation*, 7(3): 125-131.
- Pitichat, Thiraput (2013) "Smartphones in the workplace: Changing organizational behavior, transforming the future," *LUX: A Journal of Transdisciplinary Writing and Research from Claremont Graduate University: Vol. 3: Iss. 1, Article 13*. Available at: <http://scholarship.claremont.edu/lux/vol3/iss1/13>
- Proctor, C. (2014). Effective Organizational Communication Affects Employee Attitude, Happiness, and Job Satisfaction. *Thesis Master of Arts Professional Communication*. America: Southern Utah University:
- S. Miclaus, I. Dumbrava, V. Voicu, P. Bechet and I. Patru, (2017). "Electromagnetic exposure due to portable two-way radio transceivers and walkie-talkies," *2017 10th International Symposium on Advanced Topics in Electrical Engineering (ATEE)*, Bucharest, 2017, pp. 346-349. doi: 10.1109/ATEE.2017.7905153
- Salmah Othman, (2009). Kecerdasan emosi dan tekanan kerja serta hubungannya dengan komitmen kerja dalam kalangan anggota polis diraja malaysia. Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia.
- Sekaran, U. (2003). Research Methods for Business. New York: John Wiley & Sons.
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2010). Research Method for Business: A Skill Building Approach. New York: John Wiley & Sons, 5th Edition.
- Thomas, C. E., Booth-Butterfield, M., & Booth-Butterfield. (1995). Perceptions of deception, divorce, disclosure, and communication satisfaction with parents. *Western Journal of Communication*, 59, 228-245.
- W. Xu, G. Revadigar, C. Luo, N. Bergmann and W. Hu, (2016). "Walkie-Talkie: Motion-Assisted Automatic Key Generation for Secure On-Body Device Communication," *2016 15th ACM/IEEE International Conference on Information Processing in Sensor Networks (IPSN)*, Vienna, 2016, pp. 1-12. doi: 10.1109/IPSN.2016.7460726